

MUSA ARAH

1984

PARIT BUNTAR, 21 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGARAHKAN PARA MENTERI SUPAYA TIDAK MEMBENARKAN TINDAKAN MENUKARKAN KAKITANGAN KERAJAAN DENGAN MENDADAK.

PERTUKARAN MENDADAK SEPERTI ITU HANYA BOLEH DILAKUKAN ATAS KEPENTINGAN PERKHEMATAN, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM HARI INI.

DATUK MUSA BERKATA ARAHAN ITU DIBUAT OLEH PERDANA MENTERI SETELAH PUCUK PIMPINAN MENERIMA PENGADUAN PERTUKARAN SEPERTI ITU, KERANA ISTERI ATAU SUAMI PEGAWAI BERKENAAN AKTIF DALAM POLITIK.

BERUCAP MERASNIKAN NESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN PARIT BUNTAR DI DENAH MERDEKA, DI SINI. BELIAU BERKATA TINDAKAN MENUKAR SEORANG PEGAWAI SUPAYA PENYOKONG PEMIMPIN TERTENTU BOLEH MENANG DALAM PENILIHAN JAWATAN DALAM CAWANGAN ATAU BAHAGIAN ADALAH TIDAK WAJAR.

PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENGARAHKAN PERTUKARAN SEPERTI ITU DIBATALKAN.

DATUK MUSA YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO BERKATA PERBUATAN TERSEBUT ADALAH ANTARA KEGIATAN KURANG SIHAT DI KALANGAN SETENGAH-SETENGAH PEMIMPIN UMNO PUSAT YANG BERUSAHA MENCARI PENGARUH.

ADA PULA YANG MENABUR WANG ATAU MENAWARKAN LESEN DALAM USAHA MEMBELI PENGARUH, KATANYA. -- BERNAMA 1621/MK